

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	28 November 2015

# BELAJARLAH DARIPADA SEJARAH

Um - 28/11/2015

**B**ISMILLAH Rahmani Rahim. Assalamualaikum WBT. Salam Sejahtera. Ya Malik, Ya Khaibar, Ya Aziz, Ya Jabbar, Dialah Allah yang tiada tuhan selain Dia, Raja yang Maha Suci, yang Maha Sejahtera, yang Mengurniakan Keamanan, yang Maha Memelihara, yang Maha Perkasa, yang Maha Kuasa, yang Memiliki Segala Keagungan, Maha Suci, Allah daripada apa yang mereka sekutukan.

Hamba-Mu ini melafazkan kalimat kesyukuran kerana dengan limpah insan daripada-Mu jua, hamba-Mu dikurniakan usia dan keaktifan dapat menyambut ulang tahun hari keputeraan kali ke-59 dalam suasana negeri yang aman dan rakyatnya hidup secara rukun.

Istiadat pada pagi ini adalah jugalah kalinya, dilangsungkan sambutan secara rasmi ulang tahun hari keputeraan Beta atas nama Sultan Yang Di-Pertuan dan Raja Pemerintah bagi negeri dan jajahan Perak Darul Ridzuan dan segala taklukannya. Beta mengahai lafaz taat setia yang dizahirkan oleh Duli Yang Amat Mulia Raja Di Hilir, demikian juga ikrar taat setia yang dipersembahkan oleh Menteri Besar.



SULTAN Perak bersempayan bersama Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim di Balacong Seri Istana Iskandariah ketika menyampaikan titah sempena ulang tahun hari keputeraan baginda yang ke-59 di Kuala Kangsar, Perak, semalam.

- UTUSAN/KAMAL BASIR WAHAB.

para umara, dalam semangat keinsafan akan tanggungjawab bersama menyempurnakan fardu ain dan fardu kifayah; secara jujur - secara ikhlas meniatkan setiap pekerjaan sebagai ibadah, bahawa hidup dan matinya hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam. Barang diujikan Beta daripada didamping dan barang diujikan Kerajaan Beta daripada dianggotai oleh pembesar-pembesar yang berwatak pepat di luar rencong di dalam, bersifat munafik kerana Allah SWT juga turut memberi peringatan dalam ayat 123 Surah Al-an'am yang bermaksud; "Kami adakan pada tiap-tiap negeri pembesar-pembesar yang jahat agar mereka mengadakan tipu daya dalam negeri itu, tetapi mereka tidak memperdayakan melainkan dirinya sendiri, sedang mereka tidak menyedarinya."

Apabila bangsa Arab pula turut terlena dengan muzik kejayaan, Allah menyerahkan panji kepimpinan dunia kepada bangsa Kurdish dengan tokoh besar mereka Nuruddin Zengi dan Salahuddin al-Ayyubi.

Apabila bangsa Kurdish berpaling daripada Islam, Allah telah menyerahkan tampuk kepimpinan Islam kepada bangsa Saljuk dengan tokohnya Alp Arslan; bangsa Saljuk kemudiannya menyerahkan kepimpinan kepada Usmaniyah yang terkenal dengan pemimpin besar mereka Sultan Muhammad al-Fateh dan Sultan Sulaiman al-Qanuni.

Kerajaan Usmaniyah bertahan hampir enam abad memerintah kawasan merentasi dari India sehingga ke wilayah Balkan dan di wilayah Afrika Utara.

Kuasa yang dianugerahkan oleh Allah SWT akhirnya jatuh, apabila Sultan-Sultan Usmaniyah dan para penguasanya tergelincir jauh daripada syariat Allah dan Rasul-Nya, Segala yang berlaku kemudiannya dengan penguasaan kawasan Afrika Utara,

merentasi ke Lautan Atlantik, dari Selat Gibraltar sehingga ke Visigot Sepanyol. Kejatuhan dua buah negara kuasa besar, Rom dan Parsi, disebabkan faktor kepimpinan negara yang lemah, para pembesarnya hidup bermewah-mewah, raja-raja tenggelam dalam kenikmatan dan lupa akan tanggungjawab; sementara para kaisar melakukan pelbagai kezaliman, penindasan serta kekejaman. Kehidupan rakyat terumbang-ambing dan anggota tentera runtuh moral perjuangan serta luntur semangat kepahlawanan.

Apabila bangsa Arab pula turut terlena dengan muzik kejayaan, Allah menyerahkan panji kepimpinan dunia kepada bangsa Kurdish dengan tokoh besar mereka Nuruddin Zengi dan Salahuddin al-Ayyubi.

Apabila bangsa Kurdish berpaling daripada Islam, Allah telah menyerahkan tampuk kepimpinan Islam kepada bangsa Saljuk dengan tokohnya Alp Arslan; bangsa Saljuk kemudiannya menyerahkan kepimpinan kepada Usmaniyah yang terkenal dengan pemimpin besar mereka Sultan Muhammad al-Fateh dan Sultan Sulaiman al-Qanuni.

Kerajaan Usmaniyah bertahan hampir enam abad memerintah kawasan merentasi dari India sehingga ke wilayah Balkan dan di wilayah Afrika Utara.

Kuasa yang dianugerahkan oleh Allah SWT akhirnya jatuh, apabila Sultan-Sultan Usmaniyah dan para penguasanya tergelincir jauh daripada syariat Allah dan Rasul-Nya, Segala yang berlaku kemudiannya dengan penguasaan kawasan Afrika Utara,

Sifat mulia tersebut telah memberikan ruang kepada pihak tertentu melakukan pelbagai manipulasi, menggunakan wang negara untuk kepentingan peribadi.

Dasar toleransi Sayidina Uthman telah diambil kesempatan oleh orang-orang yang rakus hingga harta Baitulmal tidak terlepas daripada digunakan sewenang-wenangnya.

Penglibatan ramai ahli keluarga yang dilantik dalam pentadbiran negara tetapi tidak bersifat jujur telah mengakibatkan banyak peraturan kewangan dan perundangan menjadi longgar yang memberikan kesan negatif kepada pemerintahan. Manipulasi yang dilakukan oleh ahli-ahli keluarga menyebabkan para pegawai yang tidak sehalus, dipecat daripada jawatan; akibatnya kegelisahan sebenar rakyat tidak sampai ke pendengaran Khalifah hingga akhirnya meletus pemberontakan di Kufah.

Umah hari ini mungkin bertanya mengapa boleh berlaku perbezaan corak pemerintahan antara dua orang Khalifah yang sama-sama berpeluang menyaksikan dan menimba pengalaman secara langsung akan cara kepimpinan Rasulullah SAW. Bahawa setiap yang berlaku adalah dengan penentuan Allah. Allah SWT telah menjadikan contoh-contoh tersebut agar dijadikan pengajaran oleh umat terkemudian supaya tidak mengulangi kesalahan yang telah pernah berlaku.

Firman Allah dalam ayat 54 surah Al-Kahfi bermaksud; "Dan sesungguhnya Kami telah mengulangi bagi manusia dalam al-Quran ini bermacam-macam perumpamaan, tetapi manusia adalah makhluk yang paling banyak membantah."

Sikap manusia tidak belajar daripada sejarah adalah sebesar-besarnya pengajaran sejarah. Negara ini mempunyai sejarah kemerdekaan yang masih baru dan terlalu singkat yang tidak sepatutnya begitu cepat dilupakan.

Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman Putra (Almarhum) dalam salah satu ucapan menyatakannya; "If you think you are rich there are many richer than you, if you think you are clever there are more people cleverer than you. But if you think you are honest, then you are among the few, and in this instance, it is best to be among the few."

Negara terhutang budi kepada peranan Tunku, dan barisan yang seangkatan dengan Almarhum, antaranya Tun Abdul Razak Hussein (Allahyarham), Tun Dr. Ismail Abdul Rahman (Allahyarham), Tun Tan Siew Sin (mendiang) dan Tun V.T. Sambanthan (mendiang) didokong oleh barisan pentadbir dan teknokrat yang turut berpegang kepada budaya kejayaan serta ketegasan untuk menyuarakan yang hak selaras dengan nasihat Tun Abdul Razak dalam ucapan yang bertema *Road to nationhood*;

"As civil servants, I hope you will stand up to us politicians, and not allow yourselves to be dominated by us."

*Because in a true democracy, the civil servants have a duty to perform. The future of our country's democratic way of life is dependent on you.*

Kata-kata kenegaraan pemimpin silam dan prinsip bina negara yang telah diasaskan oleh pemimpin terdahulu hendaknya senantiasa dijadikan rujukan, dijadikan panduan dan dijadikan pedoman. Bangsa yang berjaya membina tamadun agung adalah bangsa yang memberikan pengiktirafan kepada tokoh-tokoh silam; tokoh-tokoh yang telah merintis perjuangan dan mengasaskan gagasan negara bangsa.

Rasulullah SAW sendiri telah menunjukkan contoh teladan. Berpandukan kisah yang terkandung dalam peristiwa Isra' dan Mikraj, Baginda menunjukkan sifat menghormati Rasul-Rasul terdahulu; menghargai pandangan mereka ketika Baginda menerima perintah menunaikan solat daripada Allah.

Beta hari ini mungkin bertanya mengapa boleh berlaku perbezaan corak pemerintahan antara dua orang Khalifah yang sama-sama berpeluang menyaksikan dan menimba pengalaman secara langsung akan cara kepimpinan Rasulullah SAW. Bahawa setiap yang berlaku adalah dengan penentuan Allah. Allah SWT telah menjadikan contoh-contoh tersebut agar dijadikan pengajaran oleh umat terkemudian supaya tidak mengulangi kesalahan yang telah pernah berlaku.

Firman Allah dalam ayat 54 surah Al-Kahfi bermaksud; "Dan sesungguhnya Kami telah mengulangi bagi manusia dalam al-Quran ini bermacam-macam perumpamaan, tetapi manusia adalah makhluk yang paling banyak membantah."

Sikap manusia tidak belajar daripada sejarah adalah sebesar-besarnya pengajaran sejarah. Negara ini mempunyai sejarah kemerdekaan yang masih baru dan terlalu singkat yang tidak sepatutnya begitu cepat dilupakan.

Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman Putra (Almarhum) dalam salah satu ucapan menyatakannya; "If you think you are rich there are many richer than you, if you think you are clever there are more people cleverer than you. But if you think you are honest, then you are among the few, and in this instance, it is best to be among the few."

Negara terhutang budi kepada peranan Tunku, dan barisan yang seangkatan dengan Almarhum, antaranya Tun Abdul Razak Hussein (Allahyarham), Tun Dr. Ismail Abdul Rahman (Allahyarham), Tun Tan Siew Sin (mendiang) dan Tun V.T. Sambanthan (mendiang) didokong oleh barisan pentadbir dan teknokrat yang turut berpegang kepada budaya kejayaan serta ketegasan untuk menyuarakan yang hak selaras dengan nasihat Tun Abdul Razak dalam ucapan yang bertema *Road to nationhood*;

"As civil servants, I hope you will stand up to us politicians, and not allow yourselves to be dominated by us."

Demikian jua pengharapan Beta kepada pihak swasta, badan-badan sukarela, badan-badan kebajikan, badan-badan sukan serta warga keseluruhannya yang telah mempergunakan usaha-usaha pembangunan yang dinitis oleh Kerajaan Beta.

Berpegang dan yakinkan kepada rahmat ilahi untuk melakukan yang makruf dan yakinlah akan perlindungan ilahi untuk memeringi kemunggaran; tegapkan iman yang luhur agar terbin sebuah negara bangsa yang kukuh bersatu - teguh berpadu, aman lagi makmur, sebuah negara yang sejahtera dan mendapat keampunan ilahi, "Baladun Tayyibatun Wa Rabun Ghafur" seperti yang digambarkan di dalam al-Quran, ayat 15 Surah Saba, Ya Mutakabbir, Ya Mu'min, Ya Muhamin, Ya Salam, Hamba-Mu ini, memohon ihsan daripada-Mu, agar dikurniakan hikmah, dianugerahkan taufik - dilimpahkan hidayah. Semoga negeri dan rakyat Perak Darul Ridzuan senantiasa mendapat limpahan daripada-Mu jua dan dilimpahkan segala keberkatan fid-dunia wal-akhirat.

Wabilillah taufik Walhidayah Wassalamualaikum WBT.